

**PENGGISAHAN DAN PERASMIAN  
PAMERAN WARISAN HAJI PULAU PINANG ERA PELAYARAN KAPAL LAUT**

**TARIKH: 14 APRIL 2018 (SABTU)**

**MASA: 9.00 PAGI - 1.00 TENGAHARI**

**TEMPAT: BANGUNAN NO.57, JALAN MACALISTER,  
10400 GEORGE TOWN, PULAU PINANG**

**SESI PENGGISAHAN**

9.00 pagi

Pendaftaran peserta

9.30 pagi

Sesi Pengkisahan Haji

- Pembentang 1: Dr. Aiza binti Maslan
- Pembentang 2: Haji Abdul Mutalib bin Mohd. Rawther
- Pembentang 3: Haji Ayob bin Saad
- Sesi Soal Jawab

(Moderator: Dr. Aiza binti Maslan)

11.30 pagi

Persembahan Nasyyid SMKA Al-Mashoor (L)

11.45 pagi

Program Tamat

**SESI PERASMIAN**

12.00 tgh

Ucapan Aluan oleh Profesor Dr. Datin Mahani Musa

12.15 tgh

Ucapan Perasmian oleh YB. Dato' Haji Mohd Rashid Hasnon

12.25 tgh

Penyampaian Cenderamata dan Sijil Penghargaan kepada:

- Moderator
- Pembentang Jemputan
- Peserta Pengkisahan Warisan Haji

12.40 tgh

Lawatan Pameran

1.00 tgh


Makan Tengahari dan Majlis Bersurai



**Pengkisahan & Pameran  
Warisan Haji Pulau Pinang  
Era Pelayaran Kapal Laut**

**14.04.18 - 14.07.18**





Sejak penghujung kurun ke-18, Pulau Pinang merupakan lokasi berlepasnya jemaah haji dari Tanah Melayu dan beberapa negara lain khususnya Siam (kini Thailand) ke Tanah Suci Mekah. Kelebihan pelabuhan yang dimiliki oleh Pulau Pinang menyebabkan negeri itu menjadi pusat perkhidmatan kapal laut bagi tujuan pengangkutan jemaah haji. Sejarah ini amat panjang dan hanya terhenti apabila perkhidmatan kapal laut ditamatkan pada 1976. Mulai 1977, perkhidmatan kapal terbang mengambilalih sepenuhnya peranan kapal laut sebagai pengangkutan utama jemaah haji dari Tanah Melayu.

Meskipun kisah-kisah berkenaan pengangkutan dan pengurusan haji ini banyak dicatatkan dalam rekod-rekod rasmi kerajaan, aspek-aspek lain berkaitan sejarah haji ini tidak pula diketahui. Dari segi sejarah ruang, sejarah haji itu sendiri melibatkan tiga ruang yang berlainan; negara asal jemaah haji, ruang (lokasi) dalam pelayaran dan persinggahan, dan akhirnya, Tanah Suci Mekah yang menjadi lokasi khusus pengerjaan haji. Selain pihak pengurusan kapal haji dan pihak kerajaan, pengalaman penumpang, ejen-ejen haji dan mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam urusan haji di peringkat lokal ini tidak ditinggalkan kisah dan memori mereka. Berikutan kekosongan sejarah ini, maka Majlis Pengkisahan dan Pameran Mini 'Sejarah Haji di Pulau Pinang Menggunakan Kapal Laut' ini diadakan.

## OBJEKTIF PROGRAM

- Memberi pendedahan kepada masyarakat awam tentang sejarah Pulau Pinang sebagai pusat tumpuan haji
- Meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan sejarah dan warisan Pulau Pinang.

## KEPENTINGAN PROGRAM

Program ini dapat menonjolkan kepentingan Pulau Pinang sebagai pusat berhimpun dan berlepas jemaah haji ke Tanah Suci Mekah menggunakan perkhidmatan kapal laut. Program seperti ini dapat meningkatkan pengetahuan masyarakat awam tentang kepentingan Pulau Pinang dalam sejarah Islam di negara ini, dan serantau.



**AIZA BINTI MASLAN @ BAHARUDIN** merupakan pensyarah kanan dan Penyelaras Bahagian Falsafah dan Tamadun, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Beliau dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dari Universiti Malaya pada tahun 2009 dengan tajuk tesis, "Dari Tabung Buluh ke Tabung Haji: Sejarah Pengerjaan Haji Orang Melayu, 1850-1984". Bidang tumpuan beliau ialah Sejarah dan Tamadun Islam dengan tumpuan kajian terhadap ibadah haji. Antara tulisan beliau yang pernah diterbitkan adalah Pelayaran Haji Orang Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua, Sistem Kuarantin dan Pelaksanaannya di Tanah Melayu pada Abad ke-19, Pemergian Menunaikan Haji dalam Hikayat Hang Tuah dan Tuhfat al-Nafis dan The Hajj and the Malayan Experience, 1860s-1941 yang diterbitkan dalam Kemanusiaan: The Asian Journal of Humanities, Jilid 21, 2014.



**HAJI ABDUL MUTALIB BIN MOHD. RAWTHER** dilahirkan pada tahun 1952 dan dibesarkan di No. 73A Lebuh Acheh, Pulau Pinang. Beliau pernah bertugas sebagai Penaksir Lembaga Hasil Dalam Negeri Pulau Pinang. Sebagai anak kelahiran Pulau Pinang, Haji Abdul Mutalib aktif menyumbangkan tenaga dan bakti dalam aktiviti kemasyarakatan. Beliau menyertai Badan Warisan Masjid Melayu Lebuh Acheh sejak tahun 1993, pernah menjadi Setiausaha badan tersebut (1999-2011) sebelum dilantik sebagai Pengerusi Badan Warisan Masjid Melayu Lebuh Acheh sejak Mac 2018.



**HAJI AYOB BIN SAAD** dilahirkan pada tahun 1942 di Kampong Alor Binjal, Tajar, Alor Setar Kedah. Beliau pernah menuntut di Sekolah Agama Al Masriyah Bukit Mertajam dan kini bertugas sebagai Guru Kursus Pengurusan Jenazah Islam dan Tukang Mandi Jenazah Muslim di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar Kedah. Haji Ayob pernah menunaikan haji dengan menaiki kapal laut dari Pulau Pinang pada tahun 1968.